

NASKHAH *MANTRA GAJAH* DALAM SEJARAH SOSIOBUDAYA MASYARAKAT MELAYU

(MANTRA GAJAH IN SOCIOCULTURAL HISTORY OF MALAY SOCIETY)

Nurul Izzati Mustafa & Adnan Jusoh

Abstrak

Satu keunikan dalam latar kehidupan masyarakat Melayu adalah keamatan dan kesaling bergantung hidup dengan elemen semula jadi yang melibatkan flora dan fauna. Salah satu spesies fauna yang sering menjadi pelopor dan sering dinyatakan dalam mewarnai kehidupan masyarakat Melayu menerusi pelbagai aspek adalah gajah. Dalam tradisi masyarakat Melayu gajah membawa pengertian yang sangat besar merangkumi soal falsafah, arkeologi, sejarah dan tidak ketinggalan sosiobudaya. Pengertian terhadap gajah ini membawa kepada kegunaan gajah sama ada secara fizikal atau secara maknawi dalam kehidupan masyarakat Melayu. Makalah ini sebenarnya cuba mengangkat naskhah *Mantra Gajah* yang banyak membicarakan tentang hal-hal yang berkait dengan gajah serta ilmu yang terkandung di dalamnya. Kajian terhadap karya persejarahan Melayu lazimnya memfokuskan kepada hal ehwal politik istana dan para pemerintah, namun dalam naskhah *Mantra Gajah* perihal mengenai haiwan yang diketengahkan. Hal ini bermakna gajah mempunyai satu kedudukan yang istimewa serta sering mendapat jolokan sebagai 'haiwan elit' lantaran memiliki peranan yang besar terutama kepada golongan raja-raja, para pemerintah dan golongan pembesar. Sifat naskhah ini yang mengandungi ilmu yang berkait dengan gajah mewujudkan satu tradisi dan fahaman baru dalam sejarah sosiobudaya masyarakat Melayu. Dalam mengkonstruksikan pemahaman tersebut, makalah ini cuba untuk memberi tumpuan kepada dua perkara yang paling asas iaitu peranan gajah yang sangat penting dalam kehidupan masyarakat Melayu sehingga membolehkan naskhah *Mantra Gajah* ini diwujudkan, dan kedua berkaitan dengan bagaimana naskhah *Mantra Gajah* telah membantu membolehkan perbincangan mengenai sejarah sosiobudaya ini diwujudkan serta dimanfaatkan sebagai sumber sejarah.

Kata Kunci: Mantera Gajah, Naskhah, Masyarakat Melayu, Sejarah, Sosiobudaya

Abstract

Uniqueness in Malay society existence background is strength and interdependence life with natural element that involves flora and fauna. One of the fauna species which often becoming pioneer and often stated in colouring Malay society's life through various aspects is elephant. In Malay society tradition, elephant bring huge impact include philosophy, archaeology, history and are not left behind sociocultural. Understanding of elephant lead to the usage of elephant either physically or by implication in Malay society existence. This article is trying to lift up "Mantra Gajah" manuscript that talk a lot about things that relate to the elephant and the knowledge behind it. Study towards Malay historiography

work usually focuses on political affairs of the palace and the government; differ with "Mantra Gajah" that featured about elephant. This means that elephants have a special position and is often dubbed as the 'elite animals' because it has a big role especially to the kings, the rulers and the officials. The nature of this manuscript containing the sciences related to the elephant creates a new understanding of tradition and cultural history of the Malay society. In constructing this understanding, this article tries to focus on the two basic things which are the role of elephant that very important in Malay society existence that allows "Mantra Gajah" manuscript was created, and second relates to how the "Mantra Gajah" manuscript has helped to enable discussions on socio-cultural history was created been used as historical sources.

Keywords: *Mantra Gajah, Malay Society, History, Socio-cultural*

PENGENALAN

Gajah merupakan haiwan yang memainkan peranan yang penting dalam masyarakat sama ada yang melibatkan perihal sejarah atau sosiobudaya. Melihat secara khusus, perhatian dalam perbincangan ini akan mengutarakan hal yang berkaitan bagaimana gajah diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Usaha ini dilihat sebagai satu langkah untuk menonjolkan bahawa kajian sejarah atau historiografi Melayu perlu dipelbagaikan dan bukan sekadar memfokuskan penelitian kepada perkara yang mengkhususkan dalam hal politik, tokoh atau peristiwa tertentu.

Justeru, inti pati dalam *Mantra Gajah* ini akan dilihat sebagai lambang kepada sejarah dan sosiobudaya dalam kehidupan masyarakat Melayu. Naskhah *Mantra Gajah* adalah sebuah naskhah yang membicarakan tentang ilmu yang berkaitan dengan haiwan iaitu gajah. Pengarang *Mantra Gajah* memusatkan perbincangan berkaitan dengan ilmu yang berkaitan gajah seperti memelihara, menjinakkan, mengubati serta menghalau hantu jembalang di dalam hutan.

Mantra gajah dalam masyarakat Melayu

Masyarakat Melayu menjadikan haiwan selain sebagai sumber protein dan makanan (M.Wan Zahari et. al. 2012), turut menggunakan bagi tujuan kegiatan seharian merangkumi perihal politik, ekonomi dan sosial. Dalam konteks ini, gajah dianggap haiwan yang sangat banyak berbakti sejak zaman pra-sejarah. Pembuktian menerusi jumpaan arkeologi mengabsahkan lagi bahawa gajah sebagai haiwan yang telah digunakan sejak sekian lama. Misalnya penemuan arca Ganesha (yang disembah sebagai Dewa Ganesha). Lazimnya, arca Ganesha yang diperbuat dari batu granit dan tidak diketahui lokasi penemuannya, telah ditempatkan di Muzium Arkeologi Lembah Bujang. Berdasarkan kepada atribut pada Arca Ganesha yang ditemui ini, ia merupakan arca terlengkap dan halus buaatannya tanpa sebarang kesan rosak, serta kewujudan bentuk penggambaran serta atau ukiran gajah boleh dilihat banyak terdapat pada candi dalam Kerajaan Jawa. Kewujudan ukiran berbentuk gajah ini telah wujud sejak abad ke-8 hingga ke-10, yang telah diukir pada dinding candi Prambanan. Ukiran gambar ini berkait dengan kehidupan di Alam Melayu yang menggunakan gajah bagi tujuan peperangan, pengembaraan serta sebagai kenderaan bagi tujuan peperangan (Prisma Yustana 2011).

Begitu juga dengan gajah yang seringkali dikaitkan dengan konsep gajah putih (cakravartin) bagi melambangkan kesucian. Konsep cakravartin sedikit berbeza dengan konsep dharma raj/kamma raja, namun masih berhubung kait rapat dengan kedua-dua konsep tersebut. Cakravartin membawa maksud pemerintah cakerawala iaitu raja agung dalam kosmologi Hindu-Buddhisme. Ia juga merupakan pangkat tertinggi yang boleh dicapai oleh seseorang raja dan penakluk alam semesta. Kegunaan gajah putih dalam konsep cakravartin ini adalah sebagai lambang kasa dan kedudukan yang tiada tandingan dari aspek fizikal dan moral (Kobkua Suwannathat–Pian 1997).

Kesucian gajah ini berhubung kait dengan agama dan kepercayaan, namun di Tanah Melayu dan masyarakat Melayu yang beragama Islam khususnya konsep kesucian ini sedikit berbeza pendekatannya. Konsep ini ditakrifkan dalam bentuk keagungan, kekuasaan dan keunggulan menerusi pemerintah.

Mantra Gajah ini dipisahkan kepada empat bahagian yang mana setiap satu bahagian dari naskhah tersebut mempunyai ilmu tertentu yang berkaitan dengan gajah. Ilmu ini lazimnya dikuasai oleh penggembala atau pawang gajah, Kebolehan dalam menguasai ilmu gajah ini dilihat sebagai kebijakan serta kepandaian masyarakat silam yang dikelaskan dalam sosiobudaya masyarakat yang akan dikupas dengan lebih terperinci. Manakala, aspek pemeliharaan, penguasaan, dan hubungan baik oleh penggembala, pawang gajah dan masyarakat Melayu dengan gajah dilihat sebagai satu perjalanan sejarah yang sangat menarik untuk dikongsi dan dibincangkan.

Teks naskhah *Mantra gajah*

Kepercayaan yang kuat oleh masyarakat Melayu terhadap ilmu pemeliharaan kuasa ghaib dan kaitannya dengan gajah telah mewujudkan naskhah *Mantra Gajah*. *Mantra Gajah* merupakan satu-satunya naskhah yang membincangkan tentang ilmu untuk memelihara gajah, merawat, menawan hati serta menjinakkan gajah liar. Naskhah *Mantra Gajah* secara langsung mendedahkan suatu kemahiran tradisi masyarakat Melayu zaman silam dalam hal pemeliharaan yang banyak syarat, petua, ilmu dan pantang larangnya. Sebarang usaha untuk menangkapnya memerlukan kemahiran dan kepandaian yang khusus kerana gajah merupakan haiwan liar yang tinggal di dalam hutan. (Jelani Harun 2011). *Mantra Gajah* pernah dimiliki oleh Dato Seri Andika Raja di Hulu Perak yang juga dikenali sebagai Orang Kaya-kaya Seri Andika Raja yang merupakan 'principal chief' di daerah Hulu Perak dan kawasan yang terletak bersempadan antara negeri Perak dengan Siam (Azharuddin Mohamed Dali 2014).

Teks naskhah *Mantra Gajah* bertulisan Jawi diperolehi dari simpanan Arkib Negara Malaysia. Pada muka hadapan naskhah yang diperolehi dari Arkib negara ini ditulis '*Three Anonymous Manuscripts in Malayan entitled Elephant Charm Books*', serta diletakkan tarikh 1929, dengan nombor rujukan MSS. INDIA OCEAN S.48 WH/1184. Naskhah ini dikatakan pernah dimiliki oleh Dato Seri Andika Raja Hulu Perak. Salinan *Mantera Gajah* yang kedua diperolehi menerusi simpanan dari Perpustakaan Negara Malaysia. Naskhah yang diberi nama 'kitab perubatan, petua, mantera, azimat dan isim bagi gajah'. Naskhah ini mengandungi 352 halaman dan bernombor rujukan MSS 2364 serta dilukis gambar gajah pada muka hadapan naskhah tersebut, begitu juga dengan halaman belakang naskhah tersebut.


Terdapat satu lagi naskhah yang berada dalam simpanan Perpustakaan Negara Malaysia yang turut membincangkan tentang ilmu berkait dengan gajah yang dikenali dengan nama, 'Petua Gajah' yang membicarakan tentang ubat-ubatan, azimat dan mantera untuk menyembuhkan pelbagai penyakit gajah, menjinakkan gajah, melembutkan hati gajah serta petua untuk memilih gajah yang bertuah. Naskhah ini memiliki 49 halaman dan bernombor rujukan MS 790. Naskhah *Mantra Gajah* MSS INDIA OCEAN S.49 WH/118 pernah dikaji oleh W.G Maxwell dan diterbitkan oleh JSBRAS pada 1907.

Secara keseluruhannya, naskhah *Mantra Gajah* ini mengandungi empat bahagian. Setiap bahagian yang telah dibahagikan ini mengandungi ilmu yang berkait dengan gajah dan secara tidak langsung, hal ini memberi tafsiran bahawa masyarakat Melayu mempunyai kemahiran tersendiri bagi memahami, menguasai dan mengawal setiap perlakuan gajah. Disertakan bahagian yang terkandung dalam naskhah *Mantra Gajah* dalam bentuk jadual.

Jadual 1. Bahagian dan Isi Kandungan dalam Naskhah *Mantra Gajah*.

Bahagian	Isi Kandungan	Petikan dari <i>Mantra Gajah</i>
Pertama	Bahagian pertama dalam naskhah adalah berkenaan dengan amalan jampi serapah yang digunakan untuk melembutkan hati gajah atau menjinakkan gajah liar. Pada bahagian ini, Mantra dipercayai mempunyai kuasa luar biasa (kuasa magis) yang mampu mengawal perlakuan gajah atau menundukkan gajah supaya menuruti kehendak manusia	“Om darang muaknya darang darang langli telun changku kau kusa mu hatiku akan chucha mu lidah kau akan sangkal mu tendurung ke kanan kendurung ke kiri tunduk cinta kepada kau puah rab”
Kedua	Kedua memerihalkan tentang pelbagai perubatan herba yang digunakan untuk mengubati penyakit-penyakit gajah, sama ada penyakit kulit, sakit mata dan sebagainya	Dalam soal penyembuhan ini, melibatkan beberapa jenis petua atau ramuan yang digunakan untuk mengubati, misalnya apabila mata gajah berair menurut naskhah tersebut ialah “maka ambil buah mating bakar hangus-hangus, maka asah dengan air limau nipis, maka bubuh pada mata gajah itu.
Ketiga	Pada bahagian ketiga merupakan petua-petua yang berkait untuk memelihara gajah bagi memastikan gajah tersebut sentiasa sihat, berani, gemuk, supaya gajah memiliki gading yang cantik dan sebagainya. Petua merupakan sebahagian ilmu kepandaian masyarakat Melayu yang terhasil menerusi pengalaman yang luas terhadap sesuatu pekerjaan	Antara petua yang dimuatkan dalam naskhah Mantra Gajah adalah “Ambil kulit badak dan garam Siam, maka rendamkan kulit badak itu dan garam Siam itu kepada air madu, maka beri gajah itu barang tiga hari”
Keempat	Bahagian keempat naskhah ini banyak menyebut tentang menghalau hantu atau jembalang rimba. Perkara ini dilihat sangat penting dan mempunyai relevansinya kerana menangkap gajah di tengah-tengah hutan rimba, dipercayai mempunyai semangat atau penunggu.	

Sumber: Diambil dan diubahsuai dari Jelani Harun, *Umpama Sebuah Babtera, Kajian Naskhah Melayu, Sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Hlm. 221-223.



Rajah 1. Muka Hadapan Naskhah Mantera Gajah (Pernah Dimiliki oleh Dato Seri Adika Raja Hulu Perak)

Sumber: MS 790 (No Rujukan) dalam simpanan Arkib Negara Malaysia



Rajah 2. Muka Belakang Naskhah Mantera Gajah
Sumber: MS 790 (No Rujukan) dalam simpanan Arkib Negara Malaysia.



Rajah 3. Gambar Muka Hadapan Naskhah *Mantra Gajah* yang berjudul ‘Kitab Perubatan, Petua, Mantera, Azimat dan Isim bagi Gajah’
Sumber: MSS 2364 dalam simpanan Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia.



Rajah 4. Gambar Muka Belakang Naskhah *Mantra Gajah* yang berjudul 'Kitab Perubatan, Petua, Mantera, Azimat dan Isim bagi Gajah.

Sumber: MSS 2364 dalam simpanan Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia.

Berdasarkan kepada keempat-empat isi utama yang terkandung dalam naskhah *Mantra Gajah* dari Hulu Perak ini, *Mantra Gajah* ini bukan sekadar jampi serapah, sebaliknya turut melibatkan kemahiran dalam pengubatan, petua dan menghalau hantu jembalang (Jelani Harun 2011). Dalam satu bahagian *Mantra Gajah* ini terdapat himpunan nama tumbuh-tumbuhan, daun, buah dan akar kayu yang dipercayai boleh menyembuhkan pelbagai penyakit gajah. Isi kandungan *Mantra Gajah* bercampur antara bahasa Melayu dengan bahasa Sanskrit, dikatakan mempunyai hubung kait dengan amalan warisan Hindu-Buddha dari masyarakat Siam yang bersempadan dengan Hulu Perak.


Bahagian Pertama

Bahagian pertama dalam naskhah ini menyebut tentang amalan untuk melembutkan hati gajah serta menjinakkan gajah liar. Secara umumnya, melihat dari sudut sejarah amalan atau kegiatan untuk melembutkan hati gajah ini kerap dilakukan bertujuan supaya usaha untuk mengendalikan gajah dapat dilakukan dengan lebih mudah. Hal demikian kerana gajah adalah haiwan pelbagai guna yang kerap digunakan dalam kehidupan masyarakat Melayu terutama dijadikan sebagai kenderaan. Amalan untuk melembutkan hati gajah serta menjinakkan gajah yang dicatatkan dalam *Mantra Gajah* bertujuan untuk mengawal dan memelihara gajah supaya mudah dipelihara dan dikawal.

Dalam masyarakat Melayu sebelum seekor gajah dijadikan sebagai kenderaan dan pengangkutan untuk golongan pemerintah, maka gajah perlu melalui kegiatan yang dikenali sebagai mencelung gajah (Sabri bin Lateh 1989). Mencelung gajah adalah proses yang perlu dilalui oleh seekor gajah sebelum dijadikan sebagai kenderaan, bertujuan untuk menjinakkan gajah. Sebelum proses ini dijalankan, gajah tidak boleh dinaiki dan digunakan untuk menarik balak. Kegiatan mencelung lazimnya berlaku di negeri Perlis, dan biasa dijalankan di satu kawasan yang dikenali dengan nama Kampung Celung yang terletak di Mukim Chuping, Perlis. Naskhah *Mantra Gajah* secara langsung mendedahkan suatu kemahiran tradisi masyarakat Melayu zaman silam dalam hal pemeliharaan yang banyak syarat, petua, ilmu dan pantang larangnya. Sebarang usaha untuk menangkapnya memerlukan kemahiran dan kepandaian yang khusus kerana gajah merupakan haiwan liar yang tinggal di dalam hutan. (Jelani Harun 2011).

Kebanyakan individu yang terlibat dengan kegiatan ini terdiri dari penternak gajah, serta penjinak gajah yang berasal dari Siam (Thailand). Gajah berperanan besar dalam kehidupan masyarakat di Siam (Thailand) merupakan satu perkara yang sangat sinonim, malah negara tersebut juga dikenali sebagai Negara Gajah Putih. Sehubungan dengan itu, adalah tidak mustahil sekiranya dikatakan penternak dan penjinak gajah kebanyakan berasal dari Siam. Dinyatakan dalam Hikayat

Patani, kehidupan masyarakat Patani sehari-hari menggunakan gajah dari pemerintah sehingga ke rakyat biasa. Memetik kenyataan dalam naskah tersebut antaranya "...Raja Bambang pun diarak oleh Seri Amrat dengan tombaknya kena lambungnya tersu sebelah. Maka Raja Bambang pun jatuh dari segala atas gajahnya lalu mati..." (Siti Hawa Haji Salleh 1992). Kegiatan mencelung akan dijalankan kepada anak gajah yang masih belum dijadikan kenderaan. Usai kegiatan mencelung ini, anak gajah tersebut sudah boleh ditunggang dan dijadikan sebagai kenderaan.



Rajah 5. Menunjukkan Antara Alat yang digunakan dalam Kegiatan untuk Mencelung Gajah

Sumber: Sabri bin Lateh. 1989. "Sejarah Kesenian Celung Gajah" Jurnal Warisan

Menyentuh soal gajah yang dijadikan sebagai kenderaan ini, lazimnya melibatkan para pemerintah, kerana memiliki gajah oleh golongan pemerintah, bangsawan dan para pembesar adalah satu lambang kebesaran dan kekuatan pada zaman silam. Gajah turut dikatakan mempunyai hubungan langsung dengan pihak raja dan pemerintah kerana menjadi pengangkutan utama raja dan pemerintah bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain. Setiap pemerintah lazimnya mempunyai gajah milik sendiri, misalnya Sultan Muzaffar Shah mempunyai gajah yang diberi nama 'Juru Demang, dan dalam kerajaan Kelantan Long Muhammad pula memiliki gajah bernama 'Ketitian Balai'. Pada zaman silam, gajah sangat terkenal sebagai alat pengangkutan terutama bertujuan untuk menjalankan hubungan diplomatik antara kerajaan. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* menyebut tentang penggunaan gajah yang melibatkan hubungan diplomatik antara kerajaan Kedah dengan Kerajaan Siam. Misalnya beberapa peristiwa yang dikaitkan dengan penggunaan gajah ini adalah semasa Sultan Zainal Rashid yang telah pergi ke benua Siam dalam tahun Hijrah 1259 (Muhammad Hassan Muhammad Arshad 1988). Pergerakan baginda ke Siam adalah dengan menggunakan jalan darat iaitu dengan menaiki gajah. Antara peristiwa lain adalah semasa Sultan Ahmad Tajuddin telah pergi ke Siam bertujuan untuk pengebumian Raja Siam yang dikenali sebagai Prak Nang Kelau Chow Yew Hua. Keberangkatan baginda ini adalah dengan menggunakan gajah iaitu sekitar tahun 1885 (Muhammad Hassan Muhammad Arshad 1988).

Selain gajah digunakan bagi tujuan pengangkutan golongan diraja bagi hubungan diplomatik, sekitar tahun 1923 gajah turut digunakan semasa perkahwinan anak-anak Sultan Kedah. Perkahwinan anak Sultan Kedah ini berlangsung selama hampir tempoh tiga bulan dari 14 Jun hingga 10 Ogos 1902. Perkahwinan ini melibatkan anak-anak Sultan Abdul Hamid, dan salah

seorang mempelainya adalah Putera Mahkota iaitu Tunku Ibrahim dengan saudara sepupunya yang sulung iaitu Tengku Ayshah. Baginda merupakan puteri kepada Raja Muda Kedah (“Malay Potentates Marries Five Son”, The St. Paul Globe 1904). Perarakan dan perkahwinan anak Sultan Kedah ini dibuktikan lagi dengan gambar yang disediakan di bawah. Gambar ini menunjukkan pelbagai delegasi asing yang hadir ke perkahwinan tersebut dengan menggunakan gajah sebagai lambang kebesaran sesebuah kerajaan



Rajah 6. Perkahwinan Anak-anak Sultan Kedah.

Sumber: Akhbar ‘The St. Paul Globe (St. Paul Minn)’, Sunday October 2, 1904.

Bahagian Kedua

Dalam bahagian kedua, diperihalkan juga dalam *Mantra Gajah* berkenaan pelbagai perubatan yang digunakan bagi mengubati pelbagai penyakit gajah, misalnya penyakit kulit dan sakit mata. Sebagai haiwan yang kerap digunakan dalam kehidupan seharian maka tidak mustahil gajah turut mengalami kesakitan. Dalam soal penyembuhan gajah ini pawang gajah akan mengguna pakai beberapa ramuan yang lazimnya digunakan dari elemen tumbuh-tumbuhan yang terdapat di Tanah Melayu (Jelani Harun 2011). Tidak dapat dinafikan di Tanah Melayu pelbagai tumbuh-tumbuhan serta herba yang ada mempunyai seribu satu khasiat untuk menyembuhkan penyakit, sama ada yang melibatkan manusia atau haiwan. Pelbagai kitab tib yang wujud memerihai tentang rawatan penyakit yang bersumberkan kepada tumbuhan-tumbuhan dan bahan semula jadi. Misalnya, naskhah kitab tib (MSS 4014) yang memperkenalkan mengenai ubat-ubatan yang digunakan untuk sakit perut, sakit kepala, sakit gigi, sakit sendi dan tulang (Farahdina Abd Manaf et al. 2013). Dalam konteks pengubatan ke atas gajah, pawang gajah menggunakan antaranya, akar gelenggang, sirih pinang, lengkuas, akar nyiur dan pelbagai lagi bahan semula jadi yang digunakan (Jelani Harun 2011). Kaedah perubatan tradisional yang digunakan sama ada oleh pawang gajah atau masyarakat biasa selain dari menggunakan elemen semula jadi, rawatan turut menggunakan bahan galian dari haiwan serta menggunakan kaedah spiritual seperti ruqyah, jampi dan mantera (Syed Hashim bin Syed Abdul Rahman 2017).

Menyentuh tentang bahan galian dari haiwan, dalam kaedah perubatan tradisional haiwan yang digunakan sebagai sumber perubatan, lazimnya haiwan yang telah mati (Mohd Mahyeddin Mohd Salleh et al. 2013). Misalnya daging, tanduk, tulang ekor, bulu, kuku dan tidak terkecuali gading. Gading gajah kerap digunakan selain bertujuan untuk perubatan, turut digunakan untuk perhiasan serta dieksploitasikan secara tidak sah bagi tujuan perdagangan. Begitu juga dengan tanduk, sangat memainkan peranan yang besar dan memiliki khasiat untuk menyembuhkan penyakit. Misalnya dalam kitab *Mujarabat Melayu* turut disebut tentang tanduk rusa dan tanduk kambing yang dikatakan berkhasiat untuk mengubati demam dan sakit kepala. Antara yang dinyatakan adalah seperti berikut:

“(Dan demikian lagi) faedah tanduk rusa kan ubat demam jua dan sakit kepala maka ditunun tanduk itu maka ambil abunya dicampur dalam sayur ada campur dengan air maka diminumlah oleh orang yang sakit dan yang sakit kepala serap dalam hidangan, khasiat tanduk rusa maka ditunun kedua-duanya maka ambil abunya maka dicampur dengan cuka maka dibubuh akan orang yang sakit sopak atau susut kediduri syaratnya berduduklah dalam hari Insya Allah Taala mujarab” (*Mujarabat Melayu*, 1882).

Jelas di sini, penggunaan unsur semula jadi memainkan peranan yang besar untuk menyembuhkan penyakit sama ada yang melibatkan kesihatan haiwan atau manusia. Dalam konteks ini, masyarakat Melayu boleh dikelaskan sebagai memiliki kepandaian dan kearifan serta memiliki pengetahuan dalam sistem pengubatan dan rawatan. Kaedah yang digunakan adalah melalui pemerhatian terhadap tingkah laku haiwan, terutama haiwan yang sakit yang sering memakan satu jenis tumbuhan untuk merawat penyakit tersebut (Fatan Hamamah Hj Yahya 2003).

Bahagian Ketiga

Pada bahagian ketiga naskhah ini, diperihalkan tentang petua untuk memastikan gajah sentiasa sihat, gemuk, berani serta memiliki gading yang cantik. Amalan untuk menjadikan gajah sentiasa sihat berkait dengan kepentingan gajah dalam masyarakat. Sekiranya gajah tidak sihat, maka akan menyukarkan kehidupan seharian manusia. Perkara ini dilihat dengan lebih mendalam terutama kepada gajah yang digunakan bagi tujuan ekonomi. Pada peringkat awal pembukaan dan kemunculan kegiatan bijih timah di Kelian pauh (Kamunting, Taiping kini) (Mohd Zamberi A. Malek 2001), memperlihatkan kegiatan mendulang dijalankan dengan giat sehingga membuahkan hasil yang banyak. Rentetan dari peristiwa itu, gajah pula digunakan untuk mengangkut bijih timah yang diletakkan di belakang badannya untuk dijual. Situasi ini menggambarkan gajah penting untuk membawa muatan yang berat. Terdapat catatan yang menyebut tentang kemampuan gajah untuk membawa muatan yang berat, antaranya seperti berikut:

Gajah Suatu Binatang yang Besar
Tempat Kediaman di Hutan Belukar
Berjalan Berhenti Telinga Berkibar
Nyamuk dan Lalat Sangatlah Gobar

Apabila Jinak Boleh Dikenderai,
Bebanan yang Berat Boleh Ditungangi,
Berapa Banyak Tiada Terasai,
Perjalanan yang Jauh Boleh Dilalui

(Surat Persendirian (SP) Tan Sri Zainal Abidin bin Ahmad (*Zaabda*), *Seloka kuda gajah, unta*, Dlm. Pohon Pelajaran 1916).



Rajah 6. Menunjukkan gajah yang berada di pekan lama Taiping, yang dikenali dengan nama Kelian Pauh ketika itu.

Sumber: 2001/0025983 (No Penerimaan) dalam Simpanan Arkib Negara Malaysia (Melalui fail Malayan Information Agency)

Oleh itu, gajah yang memiliki tubuh badan yang sihat adalah sangat diperlukan bagi memudahkan pelbagai kegiatan dapat dijalankan. Selain gajah berperanan untuk memudahkan kegiatan ekonomi masyarakat Melayu, gajah secara fizikal turut diperdagangkan dan dijual beli di Tanah Melayu. Malahan, Tanah Melayu merupakan salah satu pengeksport terbesar gajah satu ketika dulu. Menurut catatan, Kerajaan Kedah merupakan antara kerajaan yang banyak menyumbang kepada kegiatan eksport ini. Hal ini kerana Kedah mempunyai bilangan gajah yang banyak. Salah seorang pedagang bersendirian berbangsa Inggeris yang bernama Lock merupakan individu yang terlibat secara langsung dengan kegiatan perniagaan gajah. Dikatakan bahawa gajah yang dieksport ke luar diambil dari hutan di Limbong (merupakan salah satu tempat di Kedah) (Kathleen Clark "Pinto and lock in Kedah").

Kegiatan perdagangan gajah yang dijalankan di negeri-negeri di utara Semenanjung Tanah Melayu, iaitu Kedah, Perlis, utara Perak dan termasuk juga Kelantan dan Terengganu. Kegiatan perdagangan gajah ini ada berlaku antara Kerajaan Kelantan dengan Kerajaan Siam (SUK KELANTAN. 184/1941). Perdagangan gajah turut dijalankan di negeri Kedah, kerana menurut Barbara dan diperkukuhkan oleh Thomas Bowrey bahawa gajah yang diperoleh di Kedah akan dijual dengan harga yang lebih murah berbanding kawasan yang lain. J.A. Pope menyebut sekitar tahun 1786 lebih kurang 16 ekor gajah dieksport ke Madras setiap tahun (Ahmad Jelani Halimi 2006). Gambar berikut memperlihatkan gajah berada di pekan lama Kelian Pauh.



Rajah 7. Gambar Menunjukkan Gajah dihantar ke Siam dengan Menggunakan Kapal
Sumber: 2001/0062021 (No Penerimaan) dalam Simpanan Arkib Negara Malaysia (Melalui fail Malaysia Information Agency)

Dalam *Mantra Gajah* terdapat petua yang diketengahkan berkenaan dengan amalan untuk menjadikan gading gajah sentiasa cantik. *Mantra Gajah* menghuraikan sekiranya gajah memiliki gading yang cantik dan panjang, maka gajah tersebut memiliki tuah, sebagaimana catatan:

'Jika gajah itu gadingnya, angkat sebelah kanan, gajah itu matanya putih, gajah itu bertuah' (Jelani Harun 2011).

Kepentingan gading gajah untuk dijadikan cantik ini berkait dengan peranan dan kepentingan gading tersebut kepada masyarakat. Sejarah membuktikan gading gajah banyak didagangkan sejak dari zaman prasejarah lagi. Menurut Nik Hassan Suhaimi, perdagangan gajah telah dijalankan di Asia Tenggara sejak 2000 tahun yang lampau. Kapal-kapal Melayu yang menjalankan Lautan Hindi ketika itu, menjalankan kegiatan gajah bertujuan untuk memperoleh gading yang digunakan untuk hiasan serta ukiran (Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman 1998). Penjualan gading gajah ini giat dijalankan ketika zaman British di Tanah Melayu. Terdapat banyak dokumen dan catatan yang memerihalkan tentang penjualan gading gajah ini berlaku banyak melibatkan antara para pegawai Inggeris dengan penduduk tempatan dalam negeri-negeri di Tanah Melayu. Misalnya terdapat pegawai Inggeris yang menggemari gading gajah dan dijadikan perhiasan serta dibawa pulang ke negara asal mereka (Azharuddin Mohamed Dali 2013). Salah seorang pegawai Inggeris yang dikenali sebagai individu yang bertanggungjawab dalam perihal penjualan gading gajah ini adalah Theodore R. Hubback. Beliau pernah ditugaskan sebagai Pegawai Hidupan Liar bagi negeri Pahang pada tahun 1922 (SUK. SELANGOR. 1340/1922). Sementara itu, pada tahun 1934, beliau telah diangkat pula sebagai ketua bagi pengawas haiwan liar di Persekutuan Tanah Melayu dan Negeri-negeri Selat. Beliau juga pernah dijadikan sebagai anggota Pengawas Hidupan Liar bagi negeri Selangor (SUK SELANGOR: G. 170/1933).

Penjualan gading gajah ini mempunyai harga dan bayaran yang tertentu, Hubback pernah menetapkan harga bagi gading gajah adalah sebanyak \$1 paun, manakala pada peringkat pasaran harganya sedikit berbeza iaitu sebanyak \$3 paun. Harga bagi gading juga dipengaruhi oleh berat gading tersebut, misalnya gajah yang pernah dibunuh oleh Mr Bingley mempunyai berat kedua-duanya sebanyak 55 paun (SUK SELANGOR: G. 594/1936), maka harga yang ditetapkan ke atas gading tersebut sebanyak \$55 (SUK SELANGOR: G. 594/1936). Begitu juga dengan gading gajah yang pernah dijual di Terengganu, Pesuruhjaya Polis di Terengganu pernah mengeluarkan resit yang memaparkan tentang harga bagi sepasang gading gajah. Harga masing-masing bagi sepasang gading gajah adalah sebanyak \$30 dan \$100 (B.A.T 1298/1936). Meskipun dalam catatan tersebut tidak dinyatakan tentang berat kedua-dua pasang gading gajah tersebut, namun boleh disimpulkan bahawa berat, panjang dan kualiti gading gajah tersebut yang mendorong kepada perbezaan harga yang sangat ketara antara keduanya. Menariknya dalam penjualan gading gajah ini akan dikenakan cukai, misalnya di Pahang gajah yang ditembak untuk memperoleh gading dikenakan cukai sebanyak \$50 (SUK. PAHANG C.F. No 294/15). Jelas di sini gajah adalah haiwan elit yang mempunyai nilai serta kelas yang tersendiri, yang hanya dimiliki oleh golongan kelas atasan bagi tujuan kekuasaan, kemewahan dan keagungan seseorang pemerintah.



Rajah 8. Menunjukkan Seorang Lelaki Berada di samping Gajah yang diburunya di Bukit Gantang. Sumber: CO 1069-497 (109) dalam simpanan National Archives of Singapore (Sumber Asal dari The National Archives, United Kingdom)



Rajah 9. Menunjukkan Dua Orang Lelaki bersama 'hadiah' (gajah) yang diperolehi daripada Kegiatan Pemburuan Mereka
Sumber: LKC51/05, dalam Koleksi Simpanan Lim Kheng Chye, National Archives of Singapore.

Bahagian Keempat

Dalam *Mantra Gajah* turut menjelaskan tentang bagaimana cara untuk menghalau hantu jembalang atau semangat hutan. Hal ini adalah tidak mustahil kerana kelaziman masyarakat (pawang gajah) menangkap gajah di tengah-tengah hutan. Oleh itu, mereka perlu untuk memiliki cara untuk menghalau ‘penunggu’ atau hantu hutan yang sangat dipercayai oleh masyarakat Melayu. Kegiatan menangkap gajah merupakan satu perkara yang sangat menarik, kerana kegiatan untuk menangkap, memburu serta menjinakkan gajah bukanlah satu perkara yang mudah. Kegiatan tersebut memerlukan satu kemahiran yang tinggi, bersesuaian dengan kedudukan serta lokasi gajah yang banyak mendiami hutan di Tanah Melayu.

Bagi para pemburu haiwan terutama dari kalangan para pegawai Inggeris mereka melihat kegiatan pemburuan haiwan di Tanah Melayu sebagai kegiatan yang sukar. Hal ini didorong oleh fizikal dan bentuk muka bumi di Tanah Melayu yang memiliki gunung ganang yang tinggi, laluan yang sukar serta sungai yang mengalir di lereng-lereng bukit. Hal ini memperlihatkan kemasukan para pegawai Inggeris yang baru untuk memburu di kawasan yang mencabar ini, Antara pegawai Inggeris yang telah datang ke Tanah Melayu kerana kemahirannya memburu adalah William Harrison. Beliau merupakan seorang pemburu haiwan liar yang sangat terkenal dari Australia. Kebolehan beliau memburu haiwan liar dibuktikan apabila beliau pernah memburu kanggaru, serigala dan keldai liar di negara asalnya. Beliau juga pernah menerbitkan artikel dalam akhbar dan majalah di Austrlia berkenaan dengan populasi haiwan liar (harimau) di Tanah Melayu (Charles Shuttleworth 1963). Kegiatan ini memerlukan kepandaian yang khusus berkenaan ilmu tersebut dan kebiasaannya dalam memperoleh maklumat, sering kali akan dibantu oleh penjinak gajah yang mahir dengan ilmu tersebut (Charles Shuttleworth 1963). Menurut Munsyi Abdullah, individu yang bertanggungjawab dan memburu dan menjinakkan gajah ini dikenali dengan nama ‘pawang gajah’. Menurut beliau lagi, pawang gajah turut dikenali sebagai bomoh yang berkebolehan untuk mengubati pelbagai penyakit, sebagaimana yang ditulis oleh Abdullah:

Maka adalah sedikit hari ia di Melaka, maka masyhurlah namanya Pawang Gajah yang tahu akan ubat-ubat. Maka adalah halnya itu pada tiap-tiap hari mengelilingi hutan rimba jua adanya (Zahari A. Rashid 2008).

Perihal kepandaian dan kearifan masyarakat Melayu ini bukan hanya dengan terlahirnya naskah *Mantra Gajah* semata-mata, malah boleh terlihat menerusi kegiatan dan teknik yang dilakukan oleh pawang gajah untuk mengendalikan gajah. Abdullah Munsyi pernah menyebut tentang teknik atau kemahiran yang digunakan oleh pawang gajah untuk mengendalikan gajah (Zahari A. Rashid 2008). Teknik dan cara pengendalian gajah ini dijelaskan dalam *Hikayat Abdullah*, cuma yang membezakan adalah sudut pandang dan penulisan Abdullah lebih kepada mengkritik kegiatan yang dijalankan oleh masyarakat Melaka ketika itu. Antara beberapa perkara yang disentuh dan mendapat kritikan oleh Abdulah adalah;

“Maka pergilah aku perlahan-lahan kepada pawang itu, maka ku tunjukkan satu rupiah di tangannya, maka apabila dirasainya rupiah itu maka katanya, “Hai, naikkan encik ini lekas.” Maka tersenyum aku seraya berkata dalam hatiku, “Mana lebih kuasa ubat itu atau rupiahkan?” (Zahari A. Rashid 2008)

Berbeza dengan pandangan masyarakat Melayu, mereka melihat pawang gajah sebagai individu yang berkebolehan untuk menjejaki gajah yang menghilangkan diri. Di Melaka ketika itu terdapat seorang individu yang dikenali sebagai seorang yang memiliki kemampuan untuk mengendalikan gajah. Sejarah Melayu mencatatkan individu tersebut dikenali sebagai Sriwak Raja (Muhammad Haji Salleh 2009). Beliau pernah menyelesaikan masalah gajah yang berlaku di Pahang. Beliau juga pernah menyelesaikan masalah penangkapan gajah liar yang telah diminta untuk menyertai kegiatan tersebut oleh Sultan Abdul Jalil.

KESIMPULAN

Hampir keseluruhan *Mantra Gajah* yang diterbitkan oleh W.G Maxwell ini menggunakan bahasa yang bercampur baur antara bahasa Melayu dengan bahasa Sanskrit serta amalan ritual warisan Hindu-Buddha. Keadaan ini secara langsung menjelaskan bahawa naskhah Mantera Gajah ini merupakan naskhah awal yang berkait dengan ilmu gajah. Diwarisi sejak zaman pra-Islam lagi kesan dari penggunaan bahasa Sanskrit mahupun pengaruh Hindu-Buddha yang ketara dalam naskhah ini. Walau bagaimanapun, W.G Maxwell dalam kajiannya mendapati masyarakat Melayu yang mengamalkan *Mantra Gajah* ini seperti sudah biasa dengan bacaan mantra dan dapat mengamalkannya secara berterusan.

Secara keseluruhannya, dalam konteks kehidupan masyarakat Melayu gajah sememangnya mempunyai sejarah yang tersendiri. Kemampuan dan kebolehan masyarakat Melayu untuk menguasai gajah ditonjolkan secara jelas dalam naskhah *Mantra Gajah* ini. Di samping itu, naskhah ini secara jelas telah menunjukkan kebijakan masyarakat Melayu dalam menangani hal-hal berkaitan gajah. Gajah bukan hanya dijinakkan, malah segala masalah yang berkaitan dengan kesihatan gajah turut diberikan perhatian. Keadaan ini menunjukkan bahawa kebanyakan gajah yang ditangkap dan dijinakkan serta digunakan untuk berfungsi dengan sebaik mungkin.

RUJUKAN

- B.A.T. 1298/1936
 SUK. KELANTAN. 184/1941
 SUK. SELANGOR: G. 170/1933
 SUK. SELANGOR: G. 594/1936
 SUK. SELANGOR: 1340/1922
 SUK. PAHANG C.F.No 294/15
 Surat Persendirian (SP) Tan Sri Zainal Abidin bin Ahmad (Zaabda). *Seloka kuda gajah, unta*. Dlm. Pohon Pelajaran, 1916.
 “Malay Potentates Marries Five Son”. The St. Paul Globe, (St. Paul, Minn.) 2 October 1904
 Ahmad Jelani Halimi. 2006. *Perdagangan dan perkapalan Melayu di Selat Melaka, Abad ke-15 hingga Abad ke-18*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
 Azharuddin Mohamed Dali. 2014. Gajah dalam masyarakat Melayu: Penelitian berdasarkan *Mantra Gajah*. Kertas Kerja Siri Seminar Bulanan Naskhah Melayu.
 Azharuddin Mohd Dali. 2013. “Gajah dalam sosio-ekonomi Tanah Melayu Sebelum Merdeka” Dlm. Abdullah Zakaria Ghazali & Zuliskandar Ramli (ed.). Panji Pendeta. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM dan Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia.
 Charles Shuttleworth. 1963. *Hutan rimba (Safaris in the Malayan Jungle)*. Singapore: Malayan Publications.
 Farahdina Abd Manaf, Norsiah Sulaiman & Huzaimah Ismail. 2013. Perubatan tradisional Melayu: Khazanah yang terpelihara. *Seminar serantau kajian manuskrip Melayu dan kearifan tempatan*. E-Prosiding.
 Fatan Hamamah Hj Yahya. 2003. Potensi Tumbuh-tumbuhan sebagai ubat-ubatan. *Jurnal e-Sumber*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
 Jelani Harun. 2011. *Umpama sebuah bahtera kajian naskhah Melayu Sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia
 Kathleen Clark, “Pinto and lock in Kedah”, *Malaysia in history*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia
 Kobkua Suwannathat-Pian. 1997. *Asia Tenggara, hubungan tradisional serantau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
 M.Wan Zahari, R. Mohd. Hamim & A. Abdul Rahman. 2012. Hubungan manusia dengan haiwan dalam aspek makanan dan kesihatan manusia. *Seminar kebangsaan warisan perubatan*. Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok, 26-27 Disember.
 Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Mohammad Aizat Jamaludin, Nurdeng Deuraseh, Mohd Anuar Ramli & Irwan Subri. 2013. Penggunaan Tanduk dalam perubatan menurut perspektif syarak. 2013. Seminar Antarabangsa Usul Fiqh. 24 Oktober.

- Mohd Zamberi A. Malek. 2001. *Larut Daerah Terkaya*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia
- Muhammad Haji Salleh. 2009. *Sulalat al-Salatin ya'ni Pertuturan Segala Raja-raja (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhammad Hassan Muhammad Arshad, Dato'Kerani. 1988. *Al Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mujarabat Melayu*. 1882. Terjemahan. Pulau Pinang: Maktab wa Matba'ah Darul Muarif
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 1998. *Early History*. Singapore. Archipelago Press
- Prisma Yustana. 2011. Gajah dalam terakota Majapahit. *Jurnal Deva Ruci*. Vol.7 No.1, Julai.
- Sabri bin Lateh. 1989. "Sejarah kesenian celung gajah" *Jurnal Warisan Indera Kayangan Bil.* 1.
- Siti Hawa Haji Salleh. 1992. *Hikayat Patani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Hashim bin Syed Abdul Rahman. 2017. Kosmologi Kitab Tib Melayu: Satu Pengahayatan Awal. *Seminar Sains dan Teknologi Malayonesia*. Anjuran Laboriti Etnomatematik dan Didaktik, Institut Penyelidikan Matematik UPM, Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI), 21 Januari.
- Zahari A. Rashid. 2008. *Kenang-kenangan Abdullah Munsyi*. Selangor: IBS BUKU Sdn. Bhd.

Nurul Izzati Mustafa,
Graduate Student,
Department of History,
Faculty of Human Sciences,
UPSI, Tanjong Malim, Perak
Email:

Adnan Jusoh (Ph.D)
Associate Professor
Department of History,
Faculty of Human Sciences,
UPSI, Tanjong Malim, Perak
Email: adnan.jusoh@fsk.upsi.edu.my

Submitted: February, 2, 2018

Accepted: August, 28, 2018

